

06/10/1998

Jangan mudah puas hati: PM

Faizal Fadzil; Shamsul Azree Shamsir

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat tidak mudah berpuas hati dengan kejayaan langkah-langkah memulihkan semula ekonomi negara, sebaliknya bersedia menghadapi semua kemungkinan hari-hari hadapan yang sukar.

Perdana Menteri berkata, rakyat sepatutnya meluaskan semangat 'Malaysia Boleh' yang dilahirkan dalam Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI di sini baru-baru ini kepada semua kemampuan mereka di mana-mana jua.

"Pastinya dalam pengurusan ekonomi serta politik kita, kita mestilah percaya bahawa Malaysia Boleh, kita mesti dan kita boleh menguruskan ekonomi kita sendiri dalam krisis," katanya pada majlis Syarahan Perdana Menteri Keenam bagi Kelab Harvard, di sini malam ini.

Dalam ucapan bertajuk "Pengurusan Ekonomi Ketika Krisis" itu, Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat supaya mengelakkan kecenderungan untuk berpuas hati cuma kerana sesetengah orang sudah pun mengakui bahawa Malaysia melakukan perkara yang betul dan merekalah yang silap.

"Perlu diakui walaupun apa yang dilakukan Malaysia, ia tidak dijamin akan berjaya. Ada kelemahan dan kekurangan dan ada kemungkinan bahawa kita sendiri akan menjejaskan apa yang kita lakukan," katanya.

Malaysia baru-baru ini memperkenalkan kawalan tukaran wang dan langkah-langkah untuk merangsang ekonomi dalam usaha menyekat kemerosotan ekonominya, yang sebahagian besar dipersalahkan ke atas spekulator mata wang dan pasaran saham yang tidak bertanggungjawab.

Dr Mahathir juga menyelar Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang disifatkannya sebagai sempit dan kurang pertimbangan bagi perbezaan yang besar dalam ekonomi negara yang berlainan.

"IMF kini sudah mengakui bahawa ia membuat 'sedikit kesilapan' dalam menangani ekonomi Asia. Ia mungkin kecil bagi IMF, tetapi harga kepada negara-negara Asia adalah amat besar," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, Barat akan cuba memecah-belahkan Malaysia dengan mencari 'garisan kesalahan yang boleh dibesarkan dan dicungkil.'

"Kita mesti bersedia untuk semua ini, untuk mempertahankan diri sendiri dan strategi kita untuk direka cipta. Kita jangan terlalu kaku dalam pendekatan kita dalam usaha menyelesaikan masalah," katanya.

Menurut Dr Mahathir, penyalahgunaan pasaran bebas oleh segelintir kapitalis di negara maju mungkin memberi keuntungan cepat kepada mereka berjumlah beribu-ribu juta, tetapi kemusnahan yang disebabkan mereka ke atas mangsa-mangsa mereka adalah lebih besar lagi daripada apa yang mereka lakukan kepada diri sendiri.

Malah, katanya, jika kemusnahan itu bertujuan untuk mengubah amalan kerajaan-kerajaan Asia yang akan menyebabkan pemulihan ekonomi yang lebih sihat, kemusnahan besar yang dilakukan tidak boleh diwajarkan.

Perdana Menteri berkata, cara Asia mengurus niaga adalah berbeza dengan cara Barat tetapi ia tidak bermakna bahawa cara dan nilai Asia pastiya lebih lemah dan salah.

Dr Mahathir juga mengingatkan supaya Asia dan Afrika tidak memperdulikan kutukan Barat yang bersifat perkauman, sebaliknya terus berpegang nilai dan tradisi masing-masing untuk membangunkan negara.

Menurutnya, semua tindakan yang dilakukan oleh Asia dan Afrika untuk memulihkan ekonomi mereka akan tetap dikutuk dan dianggap sebagai usaha menyelamatkan anggota keluarga pemimpin dan kroni mereka.

Beliau berkata, adalah mustahil bagi golongan masyarakat Barat yang suka

memperkecil orang lain, untuk mempercayai pemimpin Asia boleh bersikap jujur.

Dr Mahathir juga menganggap tanggapan media dan pakar ekonomi Barat bahawa semua Kerajaan Asia makan rasuah, tidak berkebolehan, mengamalkan nepotisme dan kroni-nepotisme juga berbau perkauman.

Menurut Perdana Menteri, Dasar Ekonomi Baru (DEB) Malaysia yang bertujuan untuk mengurangkan jurang ekonomi dan sosial antara kaum bagi mencapai keharmonian juga dianggap sebagai kronisme oleh ahli ekonomi dan media Barat.

"Jelas, mereka mahu memperluaskan ketidakadilan ekonomi dan permusuhan antara kaum. Mungkin tujuan mereka ialah untuk mewujudkan ketidakstabilan dan memastikan negara ini terus mundur.

"Justeru, mereka tidak perlu lagi untuk bersaing dengan negara-negara ini (Asia)," katanya.

(END)